

128

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

NO. SOALAN : 49

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci kemajuan Program Mobilepreneur termasuk jumlah penyertaan dan keberkesanan program bagi melahirkan usahawan luar bandar.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Mobilepreneur@KKLW dilancarkan pada 21 Mei 2016 berkonsepkan perniagaan perkhidmatan bergerak. Matlamat program ini adalah untuk membantu golongan belia luar bandar meningkatkan pendapatan melalui inisiatif membuka peluang keusahawanan berasaskan kemahiran sendiri. Jumlah peserta yang menyertai program ini pada tahun 2016 adalah seramai 500 orang. Berdasarkan kajian pendapatan peserta sehingga September 2017, seramai 382 peserta (76.4%) telah memperolehi peningkatan pendapatan melebihi 30% daripada pendapatan asal. Purata peningkatan pendapatan daripada pendapatan asal adalah sebanyak RM531.

Pada tahun 2017, Kementerian mensasarkan seramai 3,000 orang peserta melalui peruntukan sebanyak RM30juta bagi Program

Mobilepreneur@KKLW. Sehingga Oktober 2017, seramai 1,779 peserta telah diberi kelulusan.

Program ini dianggap berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup peserta dan berharap tahap perniagaan mereka berkembang dan maju di masa hadapan dan secara langsung dapat memajukan kawasan luar bandar.